# BERITA HARIAN – JUMAAT 27 APRIL 2018





Ku Suhaila (kanan) berinteraksi dengan peserta menggunakan teknik bermain pada Seminar Play Therapy 2018, di UKM, Bangi, baru-baru ini.



"Perubahan zaman dan pembangunan mengundang pelbagai tekanan bagi menangani masalah berkaitan"

**Suriani Ahmad,**
*Ketua Setiausaha KPWKM*

# Kaunselor masih kurang

Masalah berkaitan mental makin meningkat perlukan khidmat rundingan

**Oleh Hidayah Mohammad**
hid_muhd@bh.com.my

Bangi

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memerlukan lebih ramai kaunselor wanita bagi menangani pelbagai masalah berkaitan kesejahteraan mental yang semakin meningkat.

Ketua Setiausahanya, Datuk Suriani Ahmad, berkata mengikut statistik Lembaga Kaunselor, seramai 7,765 kaunselor berdaftar di seluruh negara sehingga tahun lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 5,541 kaunselor wanita berdaftar dan jumlah itu masih tidak mencukupi berikutan peningkatan jumlah kes khidmat rundingan diperlukan dari semasa ke semasa.

"Perubahan zaman dan pembangunan mengundang pelbagai tekanan bagi menangani masalah berkaitan," katanya pada majlis penutupan seminar Play Therapy (SPT) 2018, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, baru-baru ini.

**Bantu tangani masalah sosial**

Program anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) dan Persatuan Kaunselor Pengamal Terapi Bermain Malaysia itu bertujuan memperkasakan profesion kaunseling negara dalam usaha memperkasakan wanita 2018 (TMW18).

Teks ucapannya dibacakan oleh Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Abdul Shukor Abdullah.

Suriani berkata, kaunselor adalah profesion perhubungan berfungsi membantu menangani permasalahan sosial selaras dengan peruntukan Akta Kaunselor 1998 (AKTA 580) di bawah Lembaga Kaunselor, KPWKM.

"Semua kaunselor perlu berdaftar di bawah Seksyen 33 (Akta Kaunselor 1998). Saya percaya pemberian mata Program Perkembangan Profesional Berterusan (PPB) Kaunselor Berdaftar oleh Lembaga Kaunselor memberikan nilai tambah kepada mereka.

"Setiap kaunselor perlu menyiapkan diri dengan kemahiran berhadapan keperluan masyarakat demi mencapai kesejahteraan komuniti," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Seminar Play Therapy 2018, Dr Ku Suhaila Ku Johari, berkata terapi bermain adalah medium menzahirkan emosi, pemikiran, tingkah laku dan pengalaman berkaitan masalah dihadapi.

Beliau berkata, seminar itu menggunakan alat permainan tertentu dipilih secara teliti berdasarkan kategori dibenarkan.

Medium itu berkesan dalam bidang psikologi dan kaunseling sejak awal 1909.

"Pendekatan bermula sejak awal usia dengan menjadikan seni bermain sebagai bahasa semula jadi dan terbukti memberi manfaat kepada perkembangan fizikal, kognitif, emosi, personaliti, bahasa dan sosial.

"Terapi bermain tidak hanya terhad kepada kanak-kanak, malah digunakan secara berkesan untuk golongan remaja dan dewasa.

"Objektif bagi meningkatkan kefahaman dalam kalangan profesional dan bukan profesional berkaitan pendekatan terapi bermain," katanya.

## Terapi bermain tingkat motivasi

**Bangi:** Terapi bermain antara prosedur terbaik meningkatkan minat, kesungguhan kanak-kanak dan golongan dewasa bagi meningkat motivasi serta semangat mereka dalam kehidupan.

Kaunselor Berdaftar Sekolah Methodist Perempuan 2, Melaka, Amirah Aqilah Abdul Wahid, berkata terapi disarankan sebagai pendekatan berkesan kepada kanak-kanak menerusi sesi kaunseling.

"Bagaimanapun terapi bermain masih lagi baru di negara ini, namun pelaksanaannya sudah menampakkan perkembangan positif," katanya ketika membentangkan perbincangan topik 'Terapi Bermain Sebagai Intervensi Inovatif' pada Seminar Play Therapy di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, baru-baru ini.

**Kenal pasti punca**

Amirah Aqilah berkata, sebagai contoh, kes seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun, yang menjadi mangsa dera bapa tirinya, baru-baru ini mendapati responden perlu menjalani sesi kaunseling.

Menerusi sesi berkenaan kata beliau, memberi peluang kaunselor mengenal pasti punca kanak-kanak berkenaan yang didakwa gagal hadir ke sekolah hingga menjejaskan prestasi dan tiada semangat meneruskan pelajaran.